

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 19 December 1964 > Page 1 > GAJI SAMA POLIS

GAJI SAMA POLIS

Berita Harian, 19 December 1964, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL4317

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

GAJI SAMA POLIS

Dato Ismail: Sedang di-kaji surohanjaya, anak negeri Ketua Polis Negara 1966

MENTERI NAFIKAN TUDOHAN TERHADAP POLIS DI-SINGAPURA

KUALA LUMPUR, Juma'at

MENTERI Dalam Negeri, Dato (Dr.) Ismail bin Dato Abdul Rahman, mengumumkan dalam Dewan Ra'ayat hari ini bahawa Kerajaan sedang merangka satu tangga gaji sama untuk seluruh anggota polis di-Malaysia.

Perkara ini sedang di-timbangkan oleh sa-buah Surohanjaya.

Dato Ismail membuat pengumuman ini ketika menggulung debat peruntukan sa-banyak \$207 juta untuk tahun depan bagi Kementerian-nya. Peruntukan itu kemudian-nya di-luluskan.

Dato Ismail berkata beliau sukachita bahawa ahli2 Dewan Ra'ayat mengambil berat terhadap kebijakan anggota2 polis di-negeri ini "dan saya sendiri juga mengambil berat dalam kebijakan mereka."

Menteri itu memulakan jawapan-nya dengan mengulas kechaman2 dari anggota2 PAP terhadap polis Malaysia di-S'ngapura, yang menurut mereka telah menyalahgunakan kuasa dharurat.

Ta' kecham polis

Tuduhan ini di-buat semalam oleh Menteri Buruh Singapura, Tuan Jek Yuen Tong. Dato Ismail menatikannya hari ini dengan berkata: "Saya puas hati bahawa pasukan Polis Malaysia di-Singapura telah menjalankan tugas mereka dengan chemerlang dan memuaskan."

Pada perengkat ini Tuan Jek bangun, berkata: "Saya tidak pernah mengecham polis Malaysia dalam bentuknya sa-lepas Malaysia. Yang saya kecham ia-lah bentuk mereka sa-masa penjajah. Sa-benar-nya saya sendiri puas hati bahawa anggota2 polis kita telah menjalankan tu-gas2 yang chemerlang di-Singapura."

Tuan Jek meminta ma'af kapada Menteri itu kerana kenyataan-nya semalam yang mengecham keangganan polis mengeluarkan permit kapada National Trades Union Congres mengadakan rapat anti-belanjawan di-Victoria Memorial Hall di-Singapura hari Ithnin lalu.

Information ^



Newspaper:
Berita Harian

Date:
19 December 1964

Reel Number:
NL4317

^ Scroll to Top

Share

Table of Contents ^



Dato Ismail berkata: "Kalau-lah kenyataan ini boleh mengembalikan keperchayaan umum terhadap polis kita, maka saya puas hati dengan penjelasan itu."

Dato Ismail sa-terusnya menjelaskan bahawa polis pada mula-nya tidak tahu bahawa penganjor rapat itu sudah meminta nasihat undang2 yang bersetuju bahawa Victoria Memorial Hall tidak di-anggap sa-bagai tempat awam dan kerana itu tertakalok kepada undang2 kesalan kecil yang memerlukan permit polis di-ambil untuk mengadakan rapat di-situ.

Bertentangan dgn undang2

Kerana itu, kata-nya, polis telah memberitahu kapada penganjor rapat itu bahawa rapat itu ada-lah bertentangan dengan undang2 tersebut.

Pehak polis, dalam hal ini, kata-nya, chuma menjalankan kelaziman yang biasa-nya di-buat.

Pada hari berikut-nya baharu-lah polis mendapat ta-hu bahawa Peguam Negeri Singapura telah mengesahkan bahawa fikiran-nya telah di-minta mengenai perkara ini.

Dato Ismail mempertahankan bahawa polis dalam per-kara ini telah bertindak "dengan niat baik" dan mereka mempunyai hak berbuat demikian.

Mengenai perkara rasuah yang di-sebut dahulu-nya oleh Tuan D.R. Seenivasagam (PPR-Ipooh), Dato Ismail berkata bahawa keadaan yang sa-benar-nya tidak-lah sa-burok yang di-gambarkan oleh pemimpin PPR itu.

Kata-nya, memang rasuah wujud di-negeri ini, "te-pi wujud-nya rasuah itu tidak-lah pula menghalangi kemajuan negeri ini.

"Kalau rasuah bermahraja lela, tidak akan terchapsi kema'amoran yang ada sekarang dan tidak akan wujud perkembangan industri di-negeri ini," kata-nya.

Dato Ismail menambah

bahawa Kerajaan memang mahu menghapuskan ra-suah "dan kita akan ber-buat apa sahaja yang boleh ka-arah ini."

Mengenai tuduhan ba-hawa Timbalan Perdana Menteri, Tun Razak terlibat dalam pakatan hendak menchederakan Bekas Men-teri Pertanian Inche Aziz Ishak, Dato Ismail berkata bahawa perkara itu telah di-siasat atas perintah Pe-guam Negara.

Perkara itu di-dapati ti-dak mempunyai bokti2 ke-rana Inche Aziz sendiri mendapat perkhabaran itu dari orang lain.

Tuan Seenivasagam: Ada-kah Peguam Negara ber-maksud hendak mengambil tindakan terhadap orang yang membuat aduan itu?

Dato Ismail: Saya akan berunding dengan Peguam Negara mengenai perkara ini.

Menyentoh shor Inche Abdul Razak Hussin (PER-Lipis) supaya kerajaan me-mindahkan penjara Pudu di-Kuala Lumpur itu ka-pada satu kawasan yang le-beh munasabah, Dato Ismail berkata chadangan ini sedang di-kaili sekarang.

Soalnya sekarang ia-lah untuk menchari satu tempat yang sa-suai untuk memindahkan penjara itu, kata-nya.

Dato Ismail juga memberitahu dewan itu bahawa Ketua Polis Negara yang sekarang di-pegang oleh saorang kulit puteh akan diambil alih oleh anak negeri pada akhir tahun 1965 bila kontrek-nya tamat.

Satelah lulus peruntukan belanja Kementerian Dalam Negeri itu, maka Inche Senu bin Abdul Rahman membentangkan pula perincian belanja Kementerian Penerangan dan Penyiaran-nya.

Beltau telah menyatakan hal2 berikut:

● Kerajaan Malaysia tidak pernah menggunakan di'ayah2 murah, berita2 palsu, chachi-menchachi serta membidas peribadi sa-saorang saperti yang dilakukan oleh Radio Republik Indonesia terhadap negara dan pemimpin2 Malaysia.

Siaran2

● Siaran2 SUARA MALAYSIA di-terima baik oleh ra'ayat Indonesia walau pun Sukarno mengeluarkan Edict No. 13 melarang ra'ayat-nya mendengar siaran2 itu.

● Perjuangan menawan hati dan fikiran ra'ayat berjalan serentak dengan kegiatan2 mengemukakan "image" Malaysia di-seberang laut.

● Lebih banyak lagi steshen2 dan alat pemancar sedang dibina di-seluruh negeri untuk membolehkan ra'ayat mendengar siaran2 lebuh sempurna lagi.

● Ada-lah di-harap negeri2 Pantai Timor akan mene'mati siaran2 talivishen hujong tahun 1965 atau awal2 tahun 1966.

Dalam perbinchangan mengenai-nya, Inche Wan Kadir (Per — Kuala Trengganu Utara) menyatakan kesal-nya kerana "master bulletin" siaran warta berita Radio Malaysia maseh juga dalam bahasa Inggeris, sedangkan tahun 1967 makin dekat.

Dan orang2 baru yang diambil tidak berkelayakan dalam bahasa kebangsaan.

Kata-nya selalu terjadi

uchapan Tengku Abdul Rahman mula-nya di-terjemahkan kapada bahasa Inggeris uuntok "master bulletin" itu dan kemudian di-terjemahkan kembali ka-bahasa Melayu untok siaran warta berita Melayu.

Debat di-teruskan pagi esok.



Related Articles



No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ



ort Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29